



Nama:.....

Bil :

Kelas:.....

Guru: Ustz.Wan Fatimah Wan Ahmad

Markah: 10 markah

Lembaran Ujian 4

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1). ____ Hui Ling menjadi contoh kepada murid-murid lain.
A. Ketekunan
B. Bertekun
C. Tertekun
D. Menentukan
- 2). Daun-daun kering ____ di halaman rumah apabila ditiup angin.
A. penaburan
B. pertaburan
C. menaburkan
D. bertaburan
- 3). Kehidupan rakyat derita semasa zaman ____ Jepun.
A. berkedudukan
B. kedudukan
C. pendudukan
D. menduduki
- 4). Jane ____ pengalaman bercutinya kepada kawan-kawan karibnya.
A. penceritaan
B. menceritai
C. menceritakan
D. pencerita
- 5). Pak Busu akan ____ pembedahan pada minggu hadapan.
A. menjalani
B. menjalankan
C. perjalanan
D. dijalankan

6). Persembahan teater itu telah _____ oleh beribu-ribu penonton.

- A. menyaksikan
- B. disaksikan
- C. kesaksian
- D. penyaksian

7). Kelihatan banyak burung _____ di langit.

- A. menerbangkan
- B. berterbangan
- C. penerbangan
- D. diterbangkan

8). Skuad bola sepak yang terpilih ke pertandingan Piala Aisa _____ oleh pemain-pemain muda.

- A. berbaris
- B. dibarisi
- C. perbarisan
- D. barisan

9). Ramai murid tidak _____ pelajaran yang disampaikan oleh Cikgu Borhan pada hari ini.

- A. memahami
- B. kefahaman
- C. persefahaman
- D. pemahaman

10). Sekolah kami telah _____ dengan pelbagai prasarana moden.

- A. melengkapi
- B. dilengkapi
- C. melengkapkan
- D. kelengkapan